

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERPISAHAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-03-1984

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Kurshiah, Ampun Tuanku, Patek bagi pihak ahli-ahli BAKTI menyusun 10 jari merafakkan sembah junjung kasih terhadap Kebawah Duli Tuanku kerana sudi meluangkan masa mencemarkan Duli berangkat untuk bersama-sama menghadiri Majlis yang tidak sepertinya ini dianjurkan oleh pihak BAKTI.

2. Keberangkatan Tuanku ke Majlis ini, benar-benar memberi perangsang dan dorongan kepada patek-patek sekalian di dalam BAKTI dalam bergerak cergas untuk menolong dan membantu, meninggikan lagi kehidupan dan kebajikan masyarakat keseluruhannya. Keberangkatan ini juga menunjukkan betapa beratnya minat Kebawah Duli Tuanku terhadap perkembangan dan kemajuan BAKTI. BAKTI sungguh bersyukur kepada Allah S.W.T.

kerana Kebawah Duli Tuanku, hanya memilih 2 buah Pertubuhan saja dalam siri Majlis Perpisahan ini, dan salah satu daripadanya adalah BAKTI.

3. Patek-patek sekalian sungguh gembira dan berbesar hati akan penghargaan tinggi yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Tuanku terhadap Pertubuhan BAKTI ini.

Ampun Tuanku,

4. Dengan hati yang suci bersih, ingin patek merafakkan sembah kesyukuran, kerana dengan kehendak Allah S.W.T.

serta doa restu rakyat jelata, Kebawah Duli berdua telah dikurniakan taufik dan hidayah untuk menghabiskan penggal pemerintahan Kebawah Duli berdua dengan keadaan negara di dalam aman, makmur dan kecemerlangan. Rakyat sungguh sedih dan pilu akan keberangkatan pulang kedua-dua Kebawah Duli Tuanku ke Pahang kerana semasa pemerintahan Tuanku berdua, Kebawah Duli Tuanku berdua benar-benar mengambil berat tentang kehidupan dan kebajikan rakyat dalam semua bidang, dan ini benar-benar menawan hati rakyat.

5. Ke bawah Duli Tuanku berdua telah secara peribadi melibatkan diri dengan penuh kasih mesra menemui semua lapisan rakyat. Kebawah Duli Tuanku sendiri menumpukan penuh minat terhadap kebajikan kaum wanita, utama dalam bidang sukan, yang mana Kebawah Duli Tuanku sendiri melibatkan diri secara aktif dalam bidang sukan badminton, netball dan kelas "keep fit".

Ampun Tuanku,

6. Patek-patek sekalian sungguh berbangga mempunyai seorang Permaisuri Agong yang benar-benar menunjukkan pemimpin dan tauladan yang wajib dicontohi oleh semua lapisan rakyat jelata. Kebawah Duli Tuanku telah berjaya memainkan peranan bukan saja sebagai Raja Permaisuri Agong yang disayangi oleh rakyat, tetapi juga, sebagai isteri yang bertanggungjawab, ibu yang disayangi, dan ninda yang pengasih dan penyayang. Kebawah Duli Tuanku juga adalah seorang yang pandai memasak dan ini tentulah menambahkan lagi kasih sayang serta mesra suami, anakanda-anakanda, dan cucunda-cucunda. Diharapkan teladan dan contoh yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Tuanku ini dapat benar-benar diikuti oleh semua ibu diseluruh negara demi untuk mewujudkan suatu rumah tangga yang rukun dan damai.

7. Selaku Raja Permaisuri Agong, Kebawah Duli Tuanku jadi "ambassadoress" yang sungguh berkesan sehingga Malaysia dikenali diseluruh dunia. Di mana saja negara Kebawah Duli berangkat melawat,

disambut dengan begitu meriah sekali dan Kebawah Duli Tuanku telah dapat menawan hati setiap rakyat dinegara-negara yang dilawati.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Kurshiah, Ampun Tuanku,

8. Patek memohon limpah kurnia Kebawah Duli Tuanku untuk patek berikan sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku, Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah, Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan, Yang Berbahagia Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datin Seri, Datin-Datin dan Puan-Puan sekalian.

9. Terlebih dahulu pihak saya, selaku Yang DiPertua BAKTI, ucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua para hadirin, terutama para-para jemputan khas juga wakil-wakil dari Pertubuhan-Pertubuhan Wanita yang lain yang telah sudi hadir serta telah memberi kerjasama erat untuk menjayakan Majlis kita petang ini.

10. BAKTI berkembang maju kerana sokongan kuat dari Ahli-ahlinya. Sikap dedikasi dan bertanggung jawab dari Ahli-Ahli sekalian telah dapat Pertubuhan BAKTI ini bergerak menuju kematlamatnya. Kejayaan Majlis Perpisahan di petang ini juga adalah kerana wujudnya kerjasama yang erat di kalangan Ahli-ahli. Untuk makluman para hadirin sekalian BAKTI telahpun berusia 7 tahun. Dalam masa 7 tahun ini tentulah BAKTI menghadapi beberapa cabaran, halangan dan juga kejayaan. Dalam masa 2 tahun kebelakangan ini, BAKTI melalui projek-projek amalnya telah dapat mengutip derma sebanyak \$1.2. juta dan dari projek ini, pihak BAKTI dapat menghulurkan derma kepada pihak-pihak perseorangan, kumpulan, juga yayasan sebanyak \$ _____ juta. Kejayaan ini sungguhlah membanggakan.

11. Selain daripada mengutip derma melalui projek-projek amal, BAKTI juga menggalakkan Ahli-ahlinya untuk beramah- mesra, mengeratkan silaturahmi dan menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui lawatan-lawatan sambil belajar, juga majlis-majlis ceramah. Kegiatan baik seperti ini telah menjadi contoh oleh isteri-isteri diperingkat negeri yang mana sehingga kini 6 buah negeri telahpun menubuhkan pertubuhan mereka masing-masing yang mana tujuan dan matlamat mereka hampir-hampir sama dan seiring jalan dengan BAKTI. Diharapkan perkembangan ini akan menyeluruh keseluruhan negara, Insya-Allah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Kurshiah, Ampun Tuanku,

12. Akhir kata, apa saja yang telah berlaku, yang sedang berlaku dan yang akan berlaku dalam BAKTI adalah dari dorongan dan semangat yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Tuanku sendiri. Apa yang patek-patek sekalian harapkan agar semangat dorongan dan petunjuk ini dapat Kebawah Duli Tuanku berikan dari masa kesemasa walau diperingkat NASIONAL atau dinegeri-negeri.

13. Patek sudahi dengan doa semoga Allah S.W.T.

mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia berdua serta keluarga Rahmat bahagia, dipelihara dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa diperlindungi dari merbahaya baik di dalam negeri atau di luar negeri. Patek semua juga ucapkan selamat berangkat ke negeri Turki esok dan semoga Allah S.W.T. jayakan lawatan rasmi itu supaya kembali ke Tanah Air dengan selamat sesudahnya.

Ampun Tuanku,

Beribu-ribu ampun Sembah patek Harap diampun Wassallamualaikum